

NO SOALAN : 69

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN AKMAL NASRULLAH  
BIN MOHD. NASIR  
[ JOHOR BAHRU ]**

**SOALAN NO. 69**

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah terdapat cadangan daripada pihak Kementerian untuk menetapkan satu peraturan atau *regulation* baru bagi memastikan projek-projek perumahan baru yang dibina sepadan dengan kuasa beli penduduk setempat.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, secara keseluruhannya, pelan tindakan yang digariskan di bawah Dasar Perumahan Negara (DRN) 2018 – 2025 telah meliputi keperluan dalam menjayakan matlamat bagi meningkatkan aksesibiliti perumahan mampu milik yang berkualiti dan berdaya huni kepada rakyat terutamanya kepada golongan B40.
2. Melalui penetapan Pelan Tindakan 2.2.3 DRN 2018 – 2025 iaitu memastikan kelulusan pembangunan perumahan (Kebenaran Merancang dan Pelan Bangunan) mengambil kira tahap kemampuan pemilikan perumahan di kawasan tempatan. Langkah ini akan dilaksanakan dengan kerjasama oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Lembaga Perumahan atau Kerajaan Negeri.
3. Selain itu, Pelan Tindakan 2.2.4 pula menggariskan bahawa tahap kemampuan pemilikan perumahan kawasan setempat sebagai kriteria penilaian dalam permohonan Lesen Pemajuan dan Permit Iklan dan Jualan (APDL) oleh pemaju perumahan. Ini bertujuan bagi memastikan projek-projek perumahan baharu yang dibina sepadan dengan kuasa beli penduduk setempat.
4. Kaedah bagi menentukan tahap kemampuan pemilikan penduduk setempat mengikut negeri telah dinyatakan dalam Dasar Rumah Mampu Milik (DRMM) iaitu menggunakan formulasi harga rumah mampu milik yang melalui pendekatan secara gandaan *Median Multiple* (MM). Kaedah ini mendefinisikan sebuah rumah dianggap mampu dibeli jika harga rumah itu kurang daripada tiga kali pendapatan tahunan isi rumah median.

**NO SOALAN : 69**

5. Namun begitu, penetapan peraturan bagi penentuan harga ini adalah tertakluk kepada pihak Kerajaan negeri masing-masing mengikut kawasan setempat berasaskan dasar perumahan di negeri berkenaan.

Sekian, terima kasih.